

Persada


Peneraju Masa Depan Gemilang



Bil. 26 Jul-Sept 2008 | ISSN : 1675 - 2651

Dewan
UNIMAS

**Majlis Konvokesyen
Unimas ke-12
TAHANIAH !**



Jul,
Amanat dijunjung,

Laungan Kemerdekaan
Berkumandang di UNIMAS

Sarawak Regatta serlah
kemampuan pendayung UNIMAS

Wacana Ketua Editor

Editorial
Editorial

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur kita ke Hadrat Illahi dengan limpah kurniaNya, Majlis Konvokesyen UNIMAS yang ke-15 telah dapat diraikan dalam suasana penuh meriah pada 8-13 Ogos 2008.

Sesungguhnya itulah saat paling manis dalam kerjaya seorang ahli akademik dan perjalanan hidup seorang pelajar. Rasa gembira tatkala melihat anak-anak muda yang dibimbing akhirnya berjaya menamatkan pelajaran mereka seperti yang dituntut. Bagi para pelajar pula, itulah saat yang dinanti-nanti; segala jerit-perih dan bersengkang mata, akhirnya cabaran itu dapat juga ditempuhi.

Bulan Ogos merupakan suatu bulan yang istimewa bagi rakyat Malaysia kerana 51 tahun dahulu, pada 31 Ogos 1957, rakyat negara ini telah dianugerahkan sesuatu yang tiada ternilai -- kebebasan daripada pemerintahan penjajah. Dan sebagai menghormati pengorbanan pejuang-pejuang negara yang telah berkorban untuk anak bangsa merdeka, UNIMAS telah melancarkan Bulan Kemerdekaan sepanjang Bulan Ogos tersebut. Pelbagai aktiviti-aktiviti telah diadakan oleh pelajar-pelajar UNIMAS, dan kemuncak segala aktiviti ini adalah laungan dan sorakan "MERDEKA!" tepat pada 12.00 malam pada 31 Ogos 2008, dan diikuti oleh penyertaan UNIMAS dalam acara perbarisan Kemerdekaan peringkat negeri pada 31 Ogos 2008.

Semoga perjalanan UNIMAS akan terus marak dalam persada pendidikan dan penyelidikan dunia. Dan dengan semangat dan sokongan padu setiap pelusuk warga UNIMAS, sesungguhnya impian untuk UNIMAS menjadi sebuah universiti yang terulung akan menjadi kenyataan.

Mutiara Kata:

"Pengiktirafan dan ganjaran datang kepada mereka yang menunjukkan kualiti yang baik dalam perbuatannya"

(Aristotle)

**"Do not write so that you can be understood,
write so that you cannot be misunderstood"**

(Epictetus)

"A wise man thinks before he speaks, but a fool speaks and then thinks of what he has been saying....."

(French Proverb)

Penasihat

Prof Dr Khairuddin Ab Hamid
Prof Dr Murtedza Mohamed
Prof Dr Mohd Azib Salleh
Prof Dr Hamsawi Sani

Ketua editor

Resni Mona

Editor

Rabiah Bujang
Zulkarnain Kipli

Penolong Editor

Norinda K. Su'ut
Erwandi Bujang Senawi

Pereka

Haidher Ahmad

Jurufoto

Hj Bujang Mohamad
Mohamad Haimey Abdul Razak

Edaran

Roderick Rojis

Sumbangan

Fakulti Perubatan &
Sains Kesihatan (FPSK)

Fakulti Kejuruteraan (FK)

Putus Pengajian Bahasa (PPB)

Fakulti Seni Gunaan & Kreatif (FSGK)

Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat (FSKPM)

Unit Sukan, HEP

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Penerbit

Bahagian Penerbitan Aras 3
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak

Lawatan Pesuruhjaya Tinggi British ke UNIMAS



Naib Canselor menyampaikan cenderahati kepada Boyd McCleary sebagai tanda kenangan



Boyd McCleary - "UK bersedia bekerjasama dengan UNIMAS dalam peluang penyelidikan, biasiswa dan pendidikan."

Sebagai sebahagian daripada rangka lawatan Pesuruhjaya Tinggi British ke Sarawak, YBhg Encik Boyd McCleary telah mengadakan lawatan ke UNIMAS pada 16 September 2008.

Kehadiran beliau di UNIMAS telah disambut oleh Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dr Khairuddin Ab Hamid, serta pegawai-pegawai atasan UNIMAS yang lain. Tujuan perjumpaan tersebut adalah untuk membincangkan dan meneroka peluang-peluang kerjasama penyelidikan dan akademik di antara universiti-universiti di Malaysia dan United Kingdom; dan juga menentukan cara dan bagaimana Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British boleh membantu dalam melaksanakan kerjasama tersebut.

Beliau menekankan bahawa kerajaan UK komited untuk meningkatkan kerjasama antara Malaysia dan universiti-universiti di UK. YBhg Encik Boyd McCleary turut menyentuh tentang inisiatif kerajaan UK untuk membolehkan pelajar-pelajar dari sana belajar di Malaysia, dan sebaliknya. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa Alumni universiti-universiti UK boleh bertindak sebagai platform untuk merangka kerjasama yang lebih erat dengan UNIMAS. Turut dibangkitkan, kerjasama penyelidikan yang dicadangkan termasuk bantuan dalam penyelidikan yang berkaitan dengan perubahan suhu dunia.

Turut dibincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan peluang-peluang penyelidikan, biasiswa dan kemudahan-kemudahan pendidikan, jalinan persefahaman dan rakan kongsi.

Ilmu Bahasa, Sastera dan Budaya Satu Disiplin Dinamik



Dr Ungku Maimunah menyampaikan kuliah bertajuk 'Dinamika Pemikiran Sastera Melayu'



Antara tokoh-tokoh budaya, ahli akademik dan pelajar IPT yang menghadiri program Ilmu Bahasa, Sastera & Budaya ini

Bagi pembentukan identiti nasional yang selaras dengan kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang bangsa, penganjuran aktiviti seperti Hari Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu adalah penting. Bahasa, Sastera dan Budaya sesungguhnya tidak dapat dipisahkan kerana mempelajari bahasa memerlukan seseorang mengetahui sastera atau bangsa pencetusnya. Dinamika bahasa mencerminkan sesuatu budaya dan sesebuah bangsa. Hubungan ini sentiasa bertautan antara satu sama lain.

Dalam konteks Malaysia, telah termaktub dalam perlembagaan yang meletakkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kedudukan ini terbentuk hasil daripada hakikat sejarah dan perkembangan serta pembentukan

sebuah negara bangsa yang berdaulat. Sejak dengan konteks ini, Pusat Pengajian Bahasa, UNIMAS, bersama Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), serta Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, telah menganjurkan Hari Bahasa, Sastera dan Budaya bagi memperteguh bahasa, sastera, dan budaya nasional.

Program dimulakan dengan Pertandingan Pengucapan Awam dan seterusnya kuliah Kesusteraan Bandingan yang telah disampaikan oleh Prof Dr Ungku Maimunah Mohd Tahir dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam Pertandingan Pengucapan Awam, tempat pertama telah dimenangi oleh Ira Fazeera bt Bedui, tempat kedua oleh Dennis Philipson Phang, dan seterusnya tempat ketiga oleh Bustamin B Sam.

Memartabatkan Seni, Budaya dan Warisan



Prof Azib membebaskan burung merpati sebagai tanda Minggu Seni Budaya & Warisan 2007 FSGK dirasmikan

Menjunjung kata 'Simfoni Warisan Budaya, Mapan Kesenian', Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS telah mengadakan Minggu Seni Budaya dan Warisan pada 27 hingga 29 Ogos 2008 di Laman Seni Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Kampus Barat, UNIMAS.

Program tersebut yang melibatkan pelajar-pelajar dari program Pengurusan Seni (Jabatan Seni Liberal) Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif merupakan acara tahunan fakulti tersebut. Pada tahun ini, Minggu Seni Budaya dan Warisan 2008 menampilkan pelbagai kelainan agar dapat membangkitkan nilai penghargaan terhadap seni dan budaya dan juga dapat memupuk semangat perpaduan dan toleransi dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Matlamat penganjuran Minggu Seni Budaya dan warisan 2008 adalah bagi memartabatkan kesenian, kebudayaan; serta memelihara warisan khazanah sejak zaman berzaman di kalangan pelajar. Selain itu, program tersebut juga diharap dapat memupuk nilai jati diri dan insani melalui kesenian; melalui pendekatan

baru yang lebih inovatif dan kreatif; dan bersesuaian dengan situasi dan penghayatan semasa.

Majlis perasmian Minggu Seni Budaya dan Warisan 2008 telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Mohd Azib Salleh (mewakili Naib Canselor UNIMAS). Turut hadir pada majlis tersebut ialah Prof. Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman, Dekan FSGK, tetamu jemputan, pensyarah serta pelajar. Para jemputan telah dibawa untuk melawat galeri pameran sebaik sahaja majlis perasmian dilakukan.

Berbagai-bagi acara telah berlangsung semasa Minggu Seni Budaya dan Warisan 2008. Antaranya ialah Ceramah Konservasi Warisan oleh "Sarawak Heritage Society", Pertandingan Sajak Patriotik sempena bulan kemerdekaan, dan permainan tradisional.



UNIMAS semai semangat keusahawanan di kalangan pelajar.

Melahirkan graduan yang mampu berdaya saing adalah satu harapan besar yang sentiasa tersemai di kalangan para tenaga pengajar dan pentadbir di UNIMAS. Sejajar dengan itu, pelbagai program dan aktiviti dirancang dari masa ke semasa dengan tujuan untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar tahun akhir mengenai peluang perniagaan yang mampu diterokai oleh mereka; selain mengharapkan kerja makan gaji di sektor awam atau swasta.

Atas dasar murni ini, Unit Keusahawanan, Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) UNIMAS telah menganjurkan Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KKS) Siri 2/2008 pada 29 Julai hingga 3 Ogos 2008, bertempat di Pusat Latihan Staf UNIMAS di Bau. Kursus anjuran bersama beberapa agensi kerajaan dan swasta ini telah dirasmikan majlis penutupannya oleh Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman, Dekan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang mewakili Naib Canselor, UNIMAS.



Peserta bengkel tekun mendengar penerangan daripada penceramah



Tugas dipikul, amanat dijunjung.



Sekian lama menunggu akhirnya tercapai juga hasrat staf Kumpulan Sokongan UNIMAS untuk berdialog secara terbuka bersama pihak pengurusan UNIMAS di Majlis Amanat Bersama Naib Canselor yang telah diadakan pada 16 Ogos 2008 bertempat di Dewan UNIMAS, Kampus Timur. Antara tetamu utama yang hadir ialah Naib Canselor UNIMAS, YBhg Prof Dr Khairuddin Ab Hamid serta beberapa pegawai pengurusan atasannya yang lain.

Majlis tersebut telah diadakan bertujuan untuk memperkuatkkan penerapan visi dan misi UNIMAS agar semua warga kerja menghayati dan mengaplikasikannya dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Dalam majlis berkenaan YBhg Naib Canselor turut menekankan pentingnya kakitangan meluahkan masalah yang dihadapi di peringkat bawahan kerana staf bawahan merupakan jentera dan pelaksana yang mampu

memastikan visi dan misi sesebuah organisasi tercapai.

Beliau turut menjelaskan bahawa masalah yang berterusan tanpa penyelesaian akan menyekat kecemerlangan kerja seseorang. Antara persoalan atau permasalahan yang telah dikemukakan pada dialog berkenaan adalah termasuk pengagihan kuota penerima Anugerah Pekerja Cemerlang serta beberapa isu berhubung proses kenaikan pangkat di kalangan staf sokongan.

Pada majlis tersebut wartawan Bahagian Penerbitan turut menemuramah beberapa individu yang hadir dalam majlis tersebut. Adalah diharapkan supaya majlis seumpama ini dapat diadakan dengan lebih kerap lagi untuk memudahkan kakitangan bawahan meluahkan masalah mereka dari masa ke semasa.



'kita perlu menghayati sejarah, barulah kita mampu merealisasikan visi dan misi UNIMAS'.



'dialog sebegini telah membuka ruang untuk pegawai bawahan memahami lebih mendalam visi dan misi UNIMAS serta mampu menerapkan nilai kerja positif yang membawa kepada kecemerlangan UNIMAS'



'ramai kakitangan berpuashati kerana telah dapat meluahkan isi hati dan terserah kepada pihak atasan untuk menilai semula kewajaran perkara-perkara yang telah dibangkitkan'

Aktiviti sosial:

Satu siri ceramah agama khas untuk Muslimah UNIMAS telah diadakan pada 12 September 2008 bersamaan 12 Ramadhan tahun 1429 Hijrah, bertempat di Teater Multimedia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Usaha murni ini adalah inisiatif Biro

Pendidikan dan Kerjaya KESAUMAS, iaitu sebuah persatuan yang mewakili staf sokongan UNIMAS. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Ustazah Norizan bt Amin dari Jabatan Agama Islam, Kota Samarahan. Tajuk ceramah pada petang berkenaan ialah 'Wanita

dan Puasa'. Adalah diharapkan aktiviti sebegini mampu meningkatkan lagi keimanan serta memperolehi keberkatan dari Allah s.w.t bersempena bulan Ramadhan yang mulia.

Laungan kemerdekaan berkumandang di UNIMAS



Pelajar pelbagai bangsa bersama-sama menyanyikan lagu patriotik sempena sambutan bulan kemerdekaan



Tetamu Kehormat turut sama memeriahkan Malam Ambang Kemerdekaan 2008



Persembahan oleh para pelajar



Antara pelajar-pelajar yang hadir pada malam kemuncak Sambutan Kemerdekaan 2008

Semangat jitu warga UNIMAS dalam meraikan sambutan Hari Kemerdekaan jelas tergambar dengan perlaksanaan beberapa program dan aturcara yang telah dirancang di peringkat universiti. Majlis Perarakan dan Sambutan Ambang Kemerdekaan telah dimulakan seawal jam 7.30 malam, pada 30 Ogos 2008 yang berlangsung di Dataran Universiti, Kampus Barat.

Tepat detik 12.00 malam, laungan kemerdekaan telah kedengaran berkumandang menandakan warga UNIMAS sememangnya memiliki semangat

cintakan bangsa dan negara. Bagi merancakkan lagi sambutan hari kemerdekaan, UNIMAS turut menghantar kontjen seramai 30 orang bagi menyertai acara perbarisan sambutan kemerdekaan peringkat negeri di Stadium Negeri Sarawak pada 31 Ogos 2008.

Manakala pada peringkat permulaan sambutan Hari Kemerdekaan, satu Forum Kemerdekaan peringkat universiti juga turut diadakan pada 25 Ogos 2008. Objektif forum tersebut diadakan adalah untuk memupuk semangat

cintakan negara di kalangan mahasiswa dan mahasiswi, serta menghargai usaha kepimpinan negara dan generasi terdahulu dalam mencapai kemerdekaan.

Selain itu, forum ini juga bertujuan memberi kesedaran bahawa para mahasiswa dan mahasiswi institut pengajian tinggi merupakan tonggak penting kesinambungan kemajuan negara dan kemerdekaan yang telah dicapai.

Malam Penghargaan Liaison Officer 2008/2009

Pada 29 Ogos 2008 bertempat di Hotel Harbour View telah diadakan Malam Penghargaan *Liaison Officer* sesi 2008/2009 yang cukup meriah dan gemilang. Malam penghargaan tersebut telah dihadiri oleh Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dr. Khairuddin Ab Hamid, Pengetua-pengetua Kolej, Pegawai HEP&A, MPP serta LO MAP 2008/2009. Majlis telah sebagai tanda penghargaan daripada UNIMAS kepada LO yang telah membantu pihak UNIMAS dalam menjayakan Minggu Aluan Pelajar pada

28 Jun - 4 Julai 2008. Setiap ahli LO ini telah menghadiri satu kursus persediaan selama seminggu iaitu Kursus Induksi untuk melatih mereka sebelum menghadapi Minggu Aluan Pelajar yang sebenar.

Sesuai dengan tema pakaian Red Alert, semua LO yang hadir pada malam tersebut telah menggunakan warna merah sebagai warna utama pakaian mereka. Pelbagai aktiviti telah dijalankan semasa majlis tersebut. Ini termasuk persembahan nyanyian dan montaj yang meliputi semua aktiviti LO

sepanjang berkhidmat untuk Minggu Aluan Pelajar 2008/2009. Pihak MPP 07/08 mengucapkan ribuan terima kasih atas segala kerjasama baik yang diberikan semasa berlangsungnya Kursus Induksi dan Minggu Aluan Pelajar sesi 2008/2009; segala kekurahan dan kesilapan harap dimaafkan dan kepada LO yang akan datang teruskan niat murni untuk membimbing pelajar-pelajar baru dan seterusnya membantu UNIMAS dalam menjayakan MAP yang akan datang.

oleh MPP 07/08

Sik Mok Rasuah

Sik Mok Rasuah...apakah maksudnya? Tak Nak Rasuah! Ya..sebutan mesra yang menjadi kebiasaan orang Melayu Sarawak. Itulah tema yang sering diutarakan sepanjang program Sik Mok Rasuah kali ini yang telah berlangsung dengan jayanya di ruang legar dan DK CTF1, UNIMAS pada 28 Julai 2008.

Program ini dianjurkan oleh badan Sekreteriat Pencegahan Rasuah IPT (UNIMAS) dengan kerjasama Badan Pencegah Rasuah (BPR) Bahagian Cawangan Sarawak. UNIMAS adalah universiti pertama yang menubuhkan badan sekreteriat ini di mana tujuan utamanya adalah untuk mengajak masyarakat kampus dan orang ramai supaya bersama-sama mencegah rasuah. Falsafah 'Cegah Lebih Baik daripada Rawat' bukannya satu pepatah yang asing kepada kita tetapi harus dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari.

Program ini termasuk pembentukan konvoi untuk mengedarkan risalah-risalah berkaitan kepada masyarakat setempat di luar kampus UNIMAS. Program ini tamat dengan Majlis Penutupan yang dihadiri oleh Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Cawangan Sarawak, Tuan Haji Mohammad Yusuf, Dekan Pusat Pemajuan Pelajar (PPP), Dr.Othman Bojo, dan wakil pengetua kolej-kolej UNIMAS, Encik Abu Bakar Ibrahim.

(oleh Thulasi a/p Kumar)



Katakan "Kamek Sik Mok Rasuah"



Siswa-siswi bekerjasama membuat risalah untuk diedarkan kepada masyarakat tempatan

MPB visit to FENG and FRST



Signing of MOU between MPB and UNIMAS at Faculty of Engineering meeting room



Prof Henry brief the delegates

A group of delegates from the Malaysian Pepper Board (MPB) visited Faculty of Engineering (FENG) and Faculty of Resource Science and Technology (FRST), UNIMAS on 7th October 2008.

MPB's Chairman, Datuk Richard Riot Jaem led the delegates, accompanied by its Director-General, Mr Grunsin Ayom and the Board Members. Prof. Dr.

Peter Songan, together with lecturers from FENG and FSTS were in hand to welcome the delegate.

The main purpose of the visit was to evaluate the progress of seven research projects awarded by MPB to FENG and FRST in May 2008. Prior to that, a memorandum of understanding (MoU) was signed between MPB and UNIMAS, together with three other

institutions of higher learning in Sarawak in November 2007. The Engineering Faculty staff members were awarded two research projects for them to design and develop a mechatronic harvester for harvesting pepper in typical terrain, and a solar-based pepper dryer.

(Source: Faculty of Engineering)

Pesta Konvo tiba lagi

Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi menghiasi Pentas Utama UNIMAS bermula sejak 9 Ogos hingga 13 Ogos 2008 bersempena dengan Pesta Konvo 2008. Majlis Perasmian Pesta Konvo kali ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS iaitu YBhg Tan Sri Datuk Amar Hj.Bujang Mohd.Nor di Dataran Canselori Kampus Timur.

Semasa majlis perasmian para hadirin telah disajikan dengan Upacara Perbarisan PALAPES, Persembahan Gabungan Seni Mempertahankan Diri Pelajar, Persembahan Kebudayaan oleh Badan Budaya UNIMAS (BAYU). Seterusnya def-def Kehormat telah dibawa melawat ke Tapak Pameran.

Manakala di sebelah petangnya, warga kampus dan orang ramai disajikan dengan pelbagai aktiviti pentas; diantaranya ialah Pertandingan Bintang Lagenda P.Ramlee & Saloma, Pertandingan lagu minus-one, Santai Seni, Battle of The Band, persembahan Konsert oleh BAYU, Pertandingan Lagu Asli & Irama Malaysia dan Festival Kesenian Antara Kolej. Aktiviti untuk kanak-kanak juga turut diadakan seperti pertandingan melukis dan mewarna serta acara sukaneka antara tadika jemputan UNIMAS bagi memeriahkan lagi Pesta Konvo ini.

Kesinambungan kepada Pesta Konvo 2008 ini, sebanyak 80 buah gerai jualan terdiri daripada gerai persatuan pelajar, kolej kediaman, kakitangan UNIMAS dan orang luar telah dibuka. Jualan gerai mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pengunjung . Di samping dapat menikmati makanan Sarawak dan jualan cenderamata tempatan, aktiviti gerai pesta konvo ini juga memberi peluang kepada orang ramai untuk mengenali UNIMAS dengan lebih dekat lagi terutama kepada para ibubapa dan ahli keluarga graduan yang datang dari Semenanjung Malaysia dan juga Sabah.

Selain itu, pesta gerai ini juga merupakan platform untuk pihak Universiti merapatkan lagi ikatan dengan masyarakat luar sebagai media hebat bagi menunjukkan pencapaian dan menampilkan keupayaan universiti dan para mahasiswa kepada masyarakat luar.

Oleh: Mohd.Zaki Ghadaffi & Zuraiyah Abas



perasmian pesta konvo oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS



Di sekitar
Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-12



Graduan-graduan yang menerima Anugerah Tertinggi semasa Majlis Konvokesyen 2008

Tahniah!

Sarawak Regatta serlah kemampuan
pendayung UNIMAS



Pasukan mendayung UNIMAS telah berjaya meraih tempat ke -3 bagi acara perahu kenyanglang 20 pekayuh lelaki antara IPTA/IPTS/IP dalam Sarawak Regatta 2008 yang telah diadakan pada 1 hingga 3 Ogos 2008.



Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Residen Bahagian Kuching, Puan Rodziah Haji Morshidi yang merupakan pengelola Sarawak Regatta 2008.

UNIMAS tetap unggul di persada boling

Untuk dua tahun berturut-turut pasukan Boling UNIMAS telah meraih Johan Keseluruhan Kategori Lelaki dan Wanita dalam Pertandingan Boling 10-pin antara Jabatan Kerajaan MAKSAK 2008 yang diadakan di Riverside Superbowl pada 11- 13 Julai lalu. Jabatan Kastam dan Eksais merupakan pengangur pada tahun ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 33 buah jabatan. Menurut pihak pengangur pertandingan ini adalah bagi memilih pemain yang akan mewakili negeri Sarawak ke pertandingan MAKSAK Malaysia di Kedah pada awal Ogos nanti.

Pasukan UNIMAS A telah menewaskan pasukan Kastam dalam acara bergu dan berpasukan dengan jatuh pin sebanyak 5412 manakala Kastam mendapat 5208 jatuh pin. Pasukan UNIMAS A terdiri daripada Shaeedun Mohd.Jais, Ramli Bujang, Hj Affandi dan Wagiman Kassim bagi acara empat berpasukan mengungguli acara ini dengan 3541 jatuh pin manakala dalam acara bergu Alhadi Bujang dan Wagiman Kassim mengecewakan Kastam dengan 1871 jatuh pin.



Pasukan UNIMAS bersama piala kemenangan

Bagi Kategori Wanita pula pasukan bergu UNIMAS A yang terdiri daripada Hadijah Morni dan Ilyiana menjadi juara dalam acara bergu dengan 1669 jatuh pin menumpaskan pasukan Imigresen dengan perbezaan 7 pin sahaja. Dalam acara empat sepasukan pula UNIMAS A yang diwakili oleh Hadijah Morni, Ilyiana Abdullah, Cindy Sian dan Surina Hj. Zainuddin menduduki tempat kedua dengan 2925 pin di belakang pasukan Kastam yang menyerlah dengan 3017 jatuh pin.



Pasukan berempat UNIMAS menerima piala kemenangan daripada Hj.Sapiee Ahmad

Dalam acara Master Wanita pula, Ilyiana dari UNIMAS A berjaya mengatasi 19 peserta lain dengan 1050 jatuh pin, diikuti Norinda K.Su'ut dari UNIMAS B di tempat kedua dengan jatuh pin 1049, Nor Azizah dari Imigresen di tempat ketiga dan Dr.Rosni dari JKM di tempat keempat masing-masing dengan 1010 dan 987 jatuh pin.



Ilyiana, Norinda dan Hadijah bergambar dengan piala kemenangan masing-masing

Manakala dalam acara Master Lelaki pula, Abg Azman Abg Annuar dari KESUDA menewaskan 29 peserta lain dengan 1218 jatuh pin, Abg.Jamalidon dari LANDAS dengan 1205 pin, Rohaizan Saher dari Politeknik dengan 1179 pin dan Jasmi Taram dari Jabatan Pendidikan di tempat keempat dengan 1153 jatuh pin.

Hadjah Morni juga telah memenangi hadiah High Game dan High Series bagi kategori wanita dengan 206 dan 887 jatuh pin. Bagi kategori lelaki pula, Abg.Azman dari KESUDA A memenangi High Game dengan 246 dan Zafrizal Zainal Abidin dari JELAS memenangi High Series dengan 991 pin.

Pada tahun ini UNIMAS telah menghantar tiga pasukan Lelaki dan tiga pasukan Wanita di dalam acara yang telah berlangsung selama tiga hari ini. Penyertaan ini merupakan pendedahan kepada pasukan Lelaki C dan Wanita C selaku pasukan pelapis pasukan boling UNIMAS. Majlis Penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Setiausaha Kehormat MAKSAK Sarawak, Hj Sapiee Ahmad.



Malam Anugerah Pelajar UNIMAS 2008

Malam Anugerah Pelajar UNIMAS (MAPU) 2008 telah berjaya dilangsungkan di Dewan UNIMAS pada 19 Julai 2008 oleh Majlis Perwakilan Pelajar UNIMAS, sesi 2007/2008. Malam Anugerah Pelajar UNIMAS ini adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UNIMAS dan MAPU kali ini telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan Sarawak iaitu, Dato Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Abang Haji Openg.

Antara tujuan MAPU ini diadakan adalah untuk member penghargaan kepada mahasiswa UNIMAS khususnya yang telah mengharumkan nama UNIMAS melalui sukan maupun akademik samada di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa. Semua pencalonan telah diadili oleh satu jawatankuasa khas yang telah dilantik untuk mengadili semua calon yang terlibat. Diharapkan MAPU, sedikit sebanyak, akan dapat dapat menyuntik semangat kepada mahasiswa di UNIMAS untuk terus berusaha dan bersaing untuk mengharumkan nama UNIMAS.

Sebanyak 17 kategori telah dipertandingkan pada tahun ini, anugerah utama MAPU iaitu Anugerah Khas Naib Canselor telah berjaya disandang oleh Saudari Shalin Lee Wan Fei dari Program Kejuruwatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.



IT Basic for the Children Without

Undergraduates from the Information Technology Association (ITA), of Faculty of Computer Science and Information Technology, UNIMAS, were praised for their noble efforts in providing the schoolchildren with the basic skills in information technology. Under this effort, a programme was conducted for the schoolchildren from SK Tambay, Kota Samarahan.

Under the programme, the schoolchildren were exposed to the basic of computer skills such as the use of Microsoft Office Word and Power Point 2007. Since there is a lack of supporting facilities in the school, the students from SK Tambay were transported to UNIMAS campus once a week to attend their computer lessons. At the certificate presentation ceremony, Asajaya assemblyman, Tuan Haji Abdul Karim Rahman Hamzah commended the initiative taken by ITA and highlighted the motivation it brought to the students.



Children from SK Tambay attend for IT basic class organized by Information Techology Assosiation (ITA) of FCSIT



Tuan Hj. Abdul Karim Rahman Hamzah giving the certificate to the students

TRAGEDI 11 SEPTEMBER 2008



Semangat setiakawan yang telah ditunjukkan oleh staf FPSK di mana mereka telah membantu Dr. Manjit, seorang pensyarah perubatan yang kurang upaya untuk keluar dari tingkat 8 Bangunan FPSK



Seorang mangsa yang tercedera telah berjaya dikeluarkan dari bangunan oleh pihak bomba dan penyelamat.



Sebahagian daripada staf dan pelajar berhimpun di kawasan luar perkarangan bangunan FPSK yang telah ditentukan semasa berlakunya kecemasan.



Kelihatan seorang mangsa yang terperangkap di atas bumbung aras 5 yang sedang diselamatkan oleh pihak bomba.



Pihak bomba dan penyelamat sedang memadamkan api di bumbung aras 5.

Pada 11 September 2008, satu latihan "Fire Drill" telah diadakan di Bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UNIMAS, Lot 77. Latihan ini melibatkan tiga agensi lain iaitu; Jabatan Bomba dan Penyelamat, Unit Kecemasan, Hospital Umum Sarawak dan Polis DiRaja Malaysia, Cawangan Trafik.

Di dalam senario kejadian pada latihan tersebut, satu kebakaran telah berlaku di aras 5 Bangunan FPSK, Lot 77 kira-kira jam 10.10 pagi. Loceng kecemasan telah berbunyi, dan ini menyebabkan seramai lebih kurang 200 orang yang sedang berada dalam bangunan tersebut pada masa itu telah berpusu-pusu keluar meninggalkan bangunan. Mereka yang terdiri daripada staf dan pelajar telah diarah untuk

berhimpun di kawasan yang telah dikenalpasti di luar pagar perkarangan bangunan FPSK.

Pada masa yang sama, seorang daripada AJK Keselamatan dan Kesihatan telah membuat panggilan kecemasan untuk menggerakkan tiga agensi lain yang terlibat sebaik sahaja loceng kecemasan kedengaran. Lebih kurang 5 minit selepas itu 2 buah jentera pemadam api dan sebuah kenderaan pegawai tiba di perkarangan bangunan FPSK untuk menyampaikan bantuan. Ini diikuti tidak lama kemudian oleh ketibaan bantuan ambulans dari Unit Kecemasan.

Seorang "mangsa" telah terperangkap di bumbung aras 5, sementara seorang lagi "mangsa" telah mengalami kecederaan di aras 6. Mangsa di aras 5 telah berjaya

diselamatkan oleh pihak Bomba dengan menggunakan "Skylift" dan mangsa yang cedera di aras 6 telah dibawa keluar menggunakan lif bomba. Sebaik sahaja kedua-dua mangsa selamat dibawa keluar daripada bangunan, mereka menerima rawatan daripada pihak pasukan ambulan.

Keseluruhan latihan tersebut telah memakan masa kurang daripada 1 jam. Latihan tersebut merupakan kali ketiga semenjak bangunan tersebut diduduki hampir 6 tahun lalu. Tahniah dan syabas kepada semua pihak terlibat yang telah menjayakan latihan Fire Drill tersebut.

(oleh Julis Janting dan Wagiman Kassim, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS)

Aneka peristiwa

4 Julai 2008

Sempena Minggu Aluan Pelajar, UNIMAS telah mengadakan Malam Rumpun Budaya yang dihadiri oleh YB Datuk Ir Hj Idris bin Hj Haron, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertempat di Dataran Universiti, UNIMAS.

9 Julai 2008

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber Manusia dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah mengadakan kolokium bertajuk *Cognitive and Computational Methods* bertempat di Auditorium Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA).

21 Julai 2008

Seminar ke-41 dalam Siri Seminar Penyelidikan Pusat Bahasa. Pembentangan oleh Dr James McLellan (University of Waikato) dengan topik *Cross-cultural variations in research writing of non-native speakers of English*.

23 Julai 2008

Seminar ke-42 dalam Siri Seminar Penyelidikan Pusat Bahasa. Topik pembentangan dan pembentang adalah seperti berikut:

- a) *Learning of Maths in English : Bidayuh Students' Views and Awareness* (Dr Souba Rethinasamy dan Pirenlod Nohik)
- b) *Mothers and mother tongue: Their role in promoting Foochow to their children* (Dr Ting Su Hie dan Hung Yu Ling)
- c) *Language attitudes of the Kadazandusun towards their mother tongue* (Mahanita Mahadhir dan Lydia Tumin)
- d) *Pressures prompting language shift in Kadazandusun families in Sabah* (Dr Ting Su Hie dan Esther Jawing)
- e) *Language Use in Different Domains in a Kadazandusun Community* (Mahanita Mahadhir dan Lydia Tumin)
- f) Kelestarian Budaya Rakyat Melayu Sarawak dalam Era Globalisasi (Hamidah Abdul Wahab, Wan Robiah Meor Osman, Farah Hanini Abdul Rahman & Rosnah Mustafa)
- g) Eksperimen Bentuk dan Estetika Karya Pengarang Melayu Sarawak Mutakhir (Dr Awang Azman Awang Pawi)
- h) *Communication in a close-knit extended Hakka family in Kuching, Sarawak: Mandarin or Hakka?* (Dr Ting Su Hie dan Chang Yee Shee)

25 Julai 2008

Seminar ke-43 dalam Siri Seminar Penyelidikan Pusat Bahasa. Pembentangan oleh Dr James McLellan (University of Waikato) bersama Yvonne M. Campbell dengan topik *Bidayuh as a subject at pre-school and primary levels: A review of moves towards a greater role for a Borneo indigenous language in the Malaysian education system*; dan Dr Ting Su Hie, Mahanita Mahadhir serta Josephine Muna Banggan (Jabatan Pendidikan Negeri, Sarawak) dengan topik *The supervisor factor and undergraduates' confidence in completing their final year project*

25 Julai 2008

Siri Seminar Institut Pengajian Asia Timur. Pembentangan oleh Jayl Langub and Dr. Ann Appleton dengan topik "Visual Representations and the Ethnographic Record" di Bilik Mesyuarat Fakulti sains Sosial, Kampus Timur.

7 Ogos 2008

Kolokium Penyelidikan Jabatan Biologi Molekul, FRST, telah diadakan dengan ucaptama oleh Dr Mohd Hasnain b Md Hussain dan pembentangan topik oleh Wee Ching Ching bagi topik bertajuk *Comparative Analysis of cDNA via expressed sequence tags* di TR2, FRST

12-13 Ogos 2008

UNIMAS telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan di Dewan Peperiksaan A & B, Kampus Timur dengan tujuan memberi maklumat kepada pelanggan dalaman dan luaran UNIMAS yang berkaitan dengan universiti.

14 Ogos 2008

PKMA telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan yang bertujuan memberi peluang kepada pengguna untuk mendapatkan perkembangan terkini mengenai PKMA dengan perkhidmatan dan fasiliti yang ditawarkan serta pandangan untuk menambahbaik mutu perkhidmatan.

18 Ogos 2008

Seminar ke-44 dalam Siri Seminar Penyelidikan Pusat Bahasa. Pembentangan oleh Mohd Azhar Bin Ali dengan topik Ke arah memupuk minat penulisan Jawi melalui pendekatan seni khat; dan Dr Ting Su Hie bersama Chong Ngee Moi dengan topik *The effects of rater training on ESL raters' rating accuracy and severity*.

27 Ogos 2008

Kolokium Penyelidikan Jabatan Kimia, FRST, telah diadakan dengan pembentangan oleh Dr Michael T Wan from MTN Consulting, Canada bagi topik bertajuk *Agriculture Pesticide Residues in Farm Ditches*

28 Ogos 2008

Satu sesi kuliah telah dianjurkan oleh Khazanah Nasional sebagai salah satu siri kuliah bersempena 50 tahun Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan membangun. Kuliah tersebut telah disampaikan oleh Dr APJ Abdul Kalam dan tajuk kuliah tersebut berbunyi Kerajaan, Sains, Teknologi dan Inovasi. Sesi berkenaan telah diadakan di Teater Multimedia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UNIMAS.

29 Ogos 2008

Seminar ke-41 dalam Siri Seminar Penyelidikan Pusat Bahasa. Pembentangan oleh Monica Janowski, (University of Sussex), Hugh Burton (University of Leicester) dan Samantha Jones (Queen's University, Belfast) dengan topik *"The Cultured rainforest: Long-Term Human Ecological Histories in the Kelabit Highlands.*

4 September 2008

Seminar ke-45 dalam Siri Seminar Penyelidikan Pusat Bahasa. Pembentangan oleh Dr Soubakeavathi Rethinasamy dengan topik *The effects of rater training on ESL raters' rating accuracy and severity*.

10 September 2008

Kolokium Penyelidikan Jabatan Zoologi, FRST, telah diadakan dengan pembentangan oleh Muhamad Dzulhelmi dengan topik *Distribution and ecology of the Malayan Flying Lemur (*Cynocephalus variegatus*) in Sarawak* di TR4, FRST

24 September 2008

Kolokium Sains Kognitif telah diadakan oleh Jabatan Sains Kognitif, Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Sumber Manusia di Bilik Mesyuarat Utama, Level 1 (FSKPM). Pemberitahuan dari Encik Philip Nili Anding dengan tajuk *Learners' Knowledge: Common Frameworks and Conceptual Sites* dan Encik Sarwar Zahar Tapar dengan tajuk *Investigation of Designing of Intelligent Decision System for Mental Disorder Diagnosis in Counseling Using LVQ with AC Algorithm*



www.unimas.my